

'BEBASKAN UMAT TUAN-TUAN DARIPADA KEZALIMAN'

"Jalan di hadapan tuan-tuan adalah penuh dengan duri. Halangan-halangan menunggu di hadapan.

Tuan-tuan akan jatuh pada tiap-tiap langkah yang tuan-tuan jalankan. Kaki tuan-tuan akan berdarah apabila ia telah terkena akan halangan-halangan itu tetapi sesuatu yang esa yang mulia lebih suka menumpahkan darahnya kerana hendak meninggikan kehormatannya" – Kata Dr Mustafa As-Sabai ketua perwakilan Suria di dalam muktamar Al-'Alam Al-Islami.

Di dalam ucapannya yang sangat menarik wakil-wakil dan pelawat-pelawat muktamar itu pada 10 Februari 1951 yang diadakan di Karachi

Ucapan-ucapannya yang dilafazkan di situ telah mengembirakan dan memberi insaf kepada wakil-wakil di dalam mana ia menyebut bahawa tujuan persatuan umat Islam itu akan tidak menyentuh sesiapa tetapi adalah bercita-cita bagi membentuk kemanusiaan dan keadilan masyarakat kepada tiap-tiap peringkat manusia. Bersatu itu ialah tujuan yang utama dan akan menguatkan dunia Islam supaya dapat ia "Berdiri tegap sebagai tembok di dalam persengketaan di antara dua binaan yang bertentangan dalam dunia dan mengelakkan mereka itu daripada bergomol bagi merosakkan kemanusiaan."

Dr As-Sabai telah bercakap dengan bersemangat dan fasih diikuti oleh terjemahan ucapannya itu ke dalam bahasa Urdu dan orang-orang yang hadir telah bergembira menyambut tiap-tiap ayat yang dilafazkannya. Eropah adalah sedang bersatu, katanya. Komunis adalah sedang mendirikan suatu binaan mereka sendiri. Maka mengapakah dunia Islam tidak bersatu ke dalam suatu binaan yang kukuh lagi kuat?

Ia telah melafazkan terima kasih kepada Pakistan bukan hanya kerana mempelawa wakil-wakil dunia Islam ke Karachi bahkan ialah juga kerana menghidupkan semula suatu seruan yang telah lama – iaitu seruan menyeru dunia Islam supaya bersatu dan menjadi satu.

Fikiran mengadakan kesatuan Islam itu baharu-baharu ini telah menjadi suatu angan-angan kosong dan orang-orang yang merundingkannya itu adalah ahli angan-angan sahaja, tetapi

ketegangan kejadian yang berlaku sekarang dalam dunia telah menunjukkan bagaimana mustahak wujudnya kesatuan itu. Hanya sanya kesatuan itu adalah menjadi tuntutan zaman ini.

Apakah sebabnya maka kita orang-orang Islam hendak bersatu? Saya bertanya dan katanya: "Seruan Islam kerana bersatu itu adalah lain daripada seruan Barat yang buta yang tujuannya melepaskan neraka ke atas umat-umat yang lemah."

Katanya lagi: "Kita tidak berhajat hendak bersatu kerana mengulangi akan cerita-cerita kebengisan dan kebuasan seperti yang telah berlaku di Palestin. Kita nak bersatu kerana kita hendak menghindarkan kezaliman yang telah menimpa ke atas tanah suci itu dan mengekalkan keadilan di dalamnya."

Kesatuan kita tidak dimaksudkan hendak mengulangi tawarikh-tawarikh kebuasan yang di tanggung oleh Hyderabad kesatuan kita hendak dimaksudkan hendak melakukan perbuatan-perbuatan kecerobohan seperti yang telah berlaku ke atas Kashmir. Kesatuan kita adalah dikehendaki supaya kita dapat menghuraikan suatu masalah yang bersimpul-simpul seperti Kashmir yang tidak dapat dihuraikan oleh orang-orang yang bertanggungjawab kerananya dan yang kewajipannya ialah menghuraikan masalah itu. Kesatuan kita tidak dimaksudkan hendak mengulangi kemalangan yang telah berlaku atas Magribi al-Fadz (Morocco)




Dr Mustafa As-Sabai

tetapi ialah hendak mengembalikan keamanan dan undang-undang keadilan di dalam dunia.

Dr As-Sabai telah menyatakan bahawa asas dan dasar bagi seruan kerana kesatuan Islam ini terletak dalam rukun iman yang orang-orang Islam percaya iaitu *La illaha ilaLlah* tidak ada Tuhan yang disembah melainkan Allah. Pandangan ini iaitu sebagaimana Tuhan itu satu maka begitulah pula kemanusiaan itu satu maka itulah kekuatan di belakang seruan kepada kesatuan Islam itulah sebabnya mengapa Islam mempelawa tiap-tiap seorang manusia bersatu di bawah panji-panji- iaitu panji-panji kebenaran dan keadilan.

Oleh itu mengapa pula seseorang boleh syak kepada usaha-usaha kita atau kesatuan kita atau ikhtiar menguatkannya? Kesatuan yang kita hendak capai itu akan jadi suatu penawar bagi semua makhluk. Tidaklah ia pula sebagaimana kesatuan orang-orang lain yang menjadi letih bagi kemanusiaan.



Di dalam perselisihan di antara kuasa-kuasa yang besar sekarang- demokrasi dengan komunis – Orang-orang Islam telah insaf kepada kelemahan perpecahan mereka. Mereka mencari persatuan. Islam berTuhan satu dan berkemanusiaan satu. Dengan bersatu mereka dapat berdiri dan berpecah mereka binasa. Kesatuan yang dicita-cita mereka itu adalah dicemburui dan masing-masing kuasa itu memerhati jika ada terluang sesuatu peluang bagi menjadikan mereka “ perkakas”.-

Karikatur dari akhbar “Evening Times” Karachi.

Kita tidak akan bersatu mengadakan suatu Bangsa-bangsa Bersatu yang dimaksudkan hendak menjalankan paksaan kuasa-kuasa besar ke atas kuasa-kuasa yang kecil. Kita akan bersatu mengemukakan piagam kemerdekaan bagi makhluk iaitu yang berkata : “Bagaimanakah boleh kamu menjadikan manusia itu hamba abdi walhal mereka itu dizahirkan bebas”?

Kesatuan kita bukanlah kesatuan hendak menuntut bela ke atas orang-orang yang telah menzalimkan kita. Kita bersatu mengikut apa yang telah nabi kita Muhammad (SAW) telah berbuat setelah menawan Mekah iaitu ia telah berkata kepada musuh-musuhnya: “Pergilah dan hiduplah kamu dengan aman. Kamu semua bebas”

Pada kesatuan kita inilah terletak kebaikannya, Kebaikan manusia, jika manusia berkehendak hidup maka hendaklah ia membenarkan bilangan orang Islam yang besar itu hidup dengan kehidupan yang mulia dalam aman dan makmur.

Dunia patut ingat bahawa masa mula orang-orang Islam jatuh itu adalah bersamaan dengan masa dunia memulakan perjalanannya kepada kebinasaannya sendiri.

Kelemahan adalah mempelawa kecerobohan. Jikalau kita kuat maka kuasa-kuasa dunia tidak memulakan perjuangan di antara satu sama lain kerana memperdayakan kita. Adalah kewajiban kita menjadi kuat dan perkakas dan memberhentikan perjuangan kerana memperdayakan kita. Inilah tujuan perjuangan mereka.

Dunia Islam mestilah menjadi kuat. Ia mesti menguatkan dirinya dengan senjata-senjata moden. Lepas itu kita akan berdiri di tengah-tengah di antara kuasa-kuasa yang berjuang dan menyuruh mereka berhenti.

Kuasa-kuasa penjajahan ini menyatakan kepada kita: “Kamu tidak boleh bersatu” kuasa-kuasa besar itu tidak akan membenarkan kamu bersatu. “Marilah masuk di sebelah salah satu daripada kami” kata mereka kepada kita.

Inilah pelajaran yang telah diajarkan oleh mereka kepada kita dalam masa dua peperangan dunia itu. Kita telah kena terpedaya dua kali. Kita telah kena tipu dua kali, orang-orang Islam tidak akan membenarkan dirinya digigit oleh dua kali dengan mencucukkan jarinya ke dalam lubang itu juga. Orang-orang Islam telah berulang-ulang kali diberi amaran berkenaan dengan perkara yang seperti itu.

Sekarang kita boleh nampak dengan terang akan permainan penjajah-penjajah itu. Sekarang kita mengetahui cita-cita mereka. Sekarang inilah masanya bagi menunjukkan kepada mereka bahawa tidak boleh memperbodoh-bodohkan semua orang Islam selama-lamanya.

Oleh itu kita mesti bersatu. Bagi negeri-negeri Islam bersatu itu ialah suatu kemuliaan bagi kesemuanya, tidak menjadi suatu kehinaan kepada negeri Islam yang sebesar-besarnya

Wahai orang-orang Islam Pakistan. Kami adalah bersama-sama dengan tuan-tuan; wahai saudara-saudaraku orang-orang Pakistan, tuan-tuan tidak mengetahui bagaimana kerasnya perasaan orang-orang muda kami terhadap kepada Kashmir. Hati kami adalah menangis kerana Kashmir. Kashmir itu ialah daerah kita sendiri’ watan kita sendiri. Datuk nenek tuan-tuan ialah datuk nenek kami, daerah tuan-tuan adalah daerah-daerah kami juga dan hak-hak kami ialah hak-hak tuan-tuan juga.

Wahai orang-orang Islam Pakistan! Percayalah kepada saya bahawa tuan-tuan tidak bersendirian dalam perjuangan tuan-tuan kerana Kashmir empat ratus million orang-orang Islam di dalam dunia ini adalah bersama tuan-tuan

Hari ini saya datang kerana hendak berunding dengan tuan-tuan tetapi saya mengaku bahawa kita akan berjumpa lagi. Dengan pedang di tangan kita akan berjumpa, sama ada di Kashmir atau di Palestin kita akan bersama-sama, berjuang bersama-sama.

Itulah juga yang kita akan katakan kepada saudara-saudara kita yang kecil – iaitu negeri-negeri Islam yang kecil kita adalah bersama-sama mereka masalah mereka adalah menjadi masalah-masalah kita sendiri.

Demikian juga masalah-masalah kita bagi satu-satu negeri itupun adalah satu dan serupa kita semua adalah berhadapan dengan suatu musuh yang sama.

Di Syria kita adalah biasa di dalam negeri kita tetapi kita tidak boleh hidup dengan aman. Sempadan-semipadan kita selalu diugut oleh bahaya. Kita semua mengetahui akan musuh yang berbahaya itu iaitu orang-orang Yahudi.

Orang-orang tidak akan berpuashati dengan Palestin sahaja. Mereka menaruh mata ke atas Syria bahkan ke atas dunia Islam amnya.

Saya tidak menaruh syak bahawa pada suatu hari orang-orang Yahudi akan menyerang kita. Tetapi saya cukup percaya mereka tidak akan dapat mengalahkan kita.

Kami akan menyeru tuan-tuan. Kami akan menyeru tuan-tuan sebagai saudara. Bukan pula kami seru tuan-tuan berjuang di dalam perjuangan kami, sedang kami sendiri duduk diam di dalam rumah.

Tidak, mula-mula kami akan mengorbankan sekalian orang-orang muda-muda kami. Kemudian kami akan korbakan anak-anak kami. Kemudian pula kami akan korbakan orang-orang perempuan kami dan lepas itu baharulah kami seru tuan-tuan meminta tolong.

Tidakkah tuan-tuan mahu menyambut seruan kami meminta tolong pada masa kami mengorbankan segala apa yang ada dan sedang hendak terhapus? Tuan-tuan tentu akan menyahut seruan itu. Saya yakin tuan-tuan dapat berbuat demikian. Tetapi bagaimanakah tuan-tuan dapat menolong jika tuan-tuan sendiri tidak kuat?

Ada hanya dua jalan untuk menjadi kuat:-

(1) Bersatu. Bersatu menjadi satu, seperti tembok yang dibuat daripada tembaga seperti yang didapatkan bagi orang-orang Islam oleh nabi kita Muhammad (SAW).

(2) Pemimpin-pemimpin dunia Islam hendaklah membebaskan umatnya. Kebebasan itu ialah anugerah Tuhan. Bagaimanakah boleh

seorang manusia merampas apa yang dikurniakan oleh Tuhan?
 Bebaskan umat tuan-tuan daripada kezaliman,bebaskan daripada
 kekurangan,bebaskan daripada kebuluran,bebaskan daripada perbuatan
 salah, bebaskan daripada sifat-sifat tunduk kepada yang lain daripada
 Tuhan. Orang Islam tidak sekali-kali menundukkan kepalanya
 kepada orang-orang lain.

Pada masa ini kita wujud dalam suatu dunia yang berlumur
 dengan darah dan penuh dengan azab sengsara. Tetapi percayalah
 kepada saya bahawa inipun adalah suatu penawar.
 Suatu bangsa yang dizahirkan di dalam tumpahan darah
 tidak akan teragak-agak kerana mengorbankan jiwanya sendiri
 dan menumpahkan darahnya sendiri.
 Percayalah kepada saya bahawa sesuatu bangsa yang dizahirkan
 di antara letupan meriam itu tidak sekali-kali akan teragak-agak
 menentang meriam

Jalan di hadapan tuan-tuan adalah penuh dengan duri.
 Halangan-halangan menunggu di hadapan.Tuan-tuan akan jatuh pada tiap-tiap
 langkah yang tuan-tuan jalankan. Kaki tuan-tuan akan berdarah
 apabila ia selalu terkena akan halangan-halangan itu,tetapi sesuatu
 bangsa yang mulia lebih suka menumpahkan darahnya kerana hendak
 meninggikan kehormatannya.

Wahai orang-orang Islam Pakistan, tuan-tuan ialah sesuatu
 bangsa muda.Tuan-tuan adalah sedang membuat suatu permulaan.
 Bentuklah kehidupan tuan-tuan dan binalah bagi tuan-tuan
 mengikut suatu dasar yang benar.

Janganlah tuan-tuan hanya memandang kepada bumi. Dunia ini
 tidak cukup besar untuk tuan-tuan. Pandanglah ke langit.
 Hubungkanlah diri tuan-tuan dengan Tuhan dan maralah ke hadapan
 bagi memenuhi perutusan Tuhan.

Sambutlah ucapan-ucapan tahniah daripada saudara-saudara tuan-tuan
 di Syria dan salam Ikhwan Al-Muslimin.

Percayalah kepada saya bahawa tiap-tiap ahli daripada Ikhwan
 itu ialah seorang rakan yang setia bagi Pakistan.
 Mereka telah berjuang dengan perjuangan tuan-tuan di medan
 dakyah di sebelah Timur Tengah iaitu lebih dahulu daripada perutusan
 diplomat tuan-tuan ditubuhkan di situ.



Tuan Haji Jalaluddin Wang Kin Syan

Ketua perwakilan dari China

MANUSIA

Manusia itu kejadian terutama

Makhluk lain tak dapat menyama

M Malaikat pun dengannya tak sama **M**
 Mempunyai akal fikiran saksama

Allah jadikan Adam dan Hawa

A Asal ibu bapa ianya kedua **A**
 Anak cucunya ialah manusia semua
 Ia juga khalifah awal istimewa

Nafsu akal jadi perhiasan

N Nazak pula jadi basahan **N**
 Natijah afiat tidak berhabisan
 Neraka Syurga itulah kesudahan

Senang susah santun sentosa

S Salah satu mesti dirasa **S**
 Sekalian itu menurut masa
 Semua takdir Tuhan yang Esa

Yakin was was tersusun di hati

Y Yang ada pula sangat bakti **Y**
 Yang setengahnya jahat pekerti
 Yang ada takbur tentu hingga ke mati

Harun D.L .Singapura